

SENARIO PENUAAN DAN KEPERLUAN ASAS WARGA EMAS: TINJAUAN AWAL DI MALAYSIA

THE AGEING SCENARIO AND BASIC NEEDS OF THE ELDERLY: AN EXPLORATORY STUDY IN THE MALAYSIAN CONTEXT

Mohd Syukri Mohd Noor^{1*}
Wan Kamal Nadzif Wan Jamil²
Norazmi Anas¹

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah, Malaysia
(E-mail: syukri484@uitm.edu.my; norazmianas@uitm.edu.my)

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Malaysia,
(E-mail: wanka238@uitm.edu.my)

*Corresponding author

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Noor, M. S. M., Jamil, W. K. N. W., & Anas, N.
(2025). Senario penuaan dan keperluan asas warga
emas: Tinjauan awal di Malaysia. *Journal of Islamic,
Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74),
10 (75), 518 – 528.

Abstrak: Malaysia kini berada di ambang transformasi demografi apabila jumlah warga emas semakin meningkat dan dijangka menjadi negara tua menjelang tahun 2030. Perubahan ini menimbulkan pelbagai implikasi terhadap keperluan asas warga emas yang merangkumi aspek kesihatan, tempat tinggal, sokongan sosial dan emosi, serta keselamatan kewangan. Kajian ini merupakan satu tinjauan awal yang bertujuan untuk mengenal pasti senario semasa penuaan di Malaysia dan mengupas keperluan asas utama warga emas dalam menghadapi fasa kehidupan yang lebih mencabar ini. Kaedah kualitatif melalui analisis dokumen dasar serta data sekunder digunakan bagi mendapatkan gambaran awal tentang situasi ini. Dapatan awal menunjukkan bahawa ramai warga emas berdepan dengan keterbatasan akses terhadap penjagaan kesihatan yang berkualiti, persekitaran tempat tinggal yang tidak mesra usia, dan kekurangan jaringan sokongan sosial, terutamanya bagi mereka yang tinggal bersendirian atau tidak mempunyai penjaga. Di samping itu, isu pendapatan yang tidak mencukupi turut menjejaskan kemampuan warga emas untuk menampung keperluan harian. Walaupun terdapat pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dan sektor bukan kerajaan, masih terdapat jurang dalam pelaksanaan dan capaian bantuan. Kajian ini mencadangkan agar dasar berkaitan warga emas perlu ditambah baik dengan pendekatan yang lebih holistik, inklusif dan berfokuskan komuniti agar kesejahteraan warga emas dapat dipelihara secara menyeluruh. Diharapkan kajian ini dapat menjadi asas kepada penyelidikan lanjut dan penggubalan polisi yang lebih efektif dalam mendepani isu penuaan negara.

Kata Kunci: Dasar Sosial Penuaan, Keperluan Asas, Kesejahteraan, Malaysia, Warga Emas

Abstract: *Malaysia is currently on the brink of a demographic transformation, as the number of older adults continues to rise, with the country expected to attain the status of an ageing nation by 2030. This shift presents various implications for the basic needs of the elderly, encompassing health care, housing, social and emotional support, as well as financial security. This study serves as a preliminary exploration aimed at identifying the current ageing landscape in Malaysia and examining the core needs of older adults as they navigate this increasingly challenging phase of life. A qualitative approach was employed through policy document analysis and secondary data review to gain an initial understanding of the situation. Early findings indicate that many elderly individuals face limited access to quality healthcare, age-unfriendly living environments, and a lack of social support networks, particularly among those living alone or without caregivers. In addition, inadequate income further compromises their ability to meet daily necessities. Although various initiatives have been undertaken by both governmental and non-governmental sectors, gaps remain in the implementation and accessibility of such support systems. This study recommends that ageing-related policies be enhanced through a more holistic, inclusive, and community-centered approach to ensure the overall well-being of the elderly population. It is hoped that this research will serve as a foundation for further studies and more effective policy development in addressing the challenges of population ageing in Malaysia.*

Keywords: *Ageing Social Policy, Basic Needs, Well-being, Malaysia, Older Adults*

Pengenalan

Warga emas merupakan golongan yang perlu diberi penjagaan rapi dan teliti supaya golongan ini tidak terabai dan sentiasa menjadi nadi utama masyarakat Malaysia berikutan peningkatan jumlah warga emas menjelang tahun 2030. Hal ini memerlukan usaha pelbagai pihak dalam memperkasakan pengurusan golongan warga emas demi memenuhi keperluan dan kesejahteraan mereka (T. M. Sidek & Hasanuddin, 2023). Namun, isu penganiayaan dan pengabaian warga emas terus menjadi faktor risiko yang menyebabkan berlakunya masalah kesihatan yang kritikal, kematian dan keperluan penjagaan kesihatan yang tinggi seterusnya menjadi ancaman global terhadap kesihatan masyarakat (Yunus et al., 2019). Implikasi daripada peningkatan kes pengabaian dan pertambahan populasi golongan warga emas telah menyebabkan berlakunya pertambahan warga emas di pusat jagaan berdaftar. Berdasarkan laporan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terdapat 365 pusat jagaan berdaftar di seluruh negara Md Isa et al. (2022) dengan bilangan penghuni warga emas di pusat jagaan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) pada tahun 2018 seramai 6,927 orang meningkat kepada 7,440 orang pada tahun 2019 dan dianggarkan menjelang 2028 Malaysia memerlukan 2000 pusat jagaan bagi menampung keperluan peningkatan warga emas (Mohd Yusoff et al., 2023). Oleh kerana itu, muncul pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh pusat jagaan seperti kekurangan penjaga terlatih terutamanya melibatkan kaunseling, rekreasi, kerohanian, masalah kewangan, kekurangan tanggungjawab dari pihak ahli keluarga, kekurangan bantuan dan sokongan daripada agensi berkaitan (Mohd Yusoff et al., 2023; Noor et al., 2021). Keperluan terhadap pembangunan model jangka panjang penjagaan warga emas juga perlu untuk menambahbaik peranan pusat jagaan di samping penerapan akta warga emas semasa dalam meningkatkan kualiti penyediaan model penjagaan warga emas yang berintegrasi dan berterusan di Malaysia (Alavi, 2022).

Selain itu, wujud permasalahan untuk mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam penjagaan warga emas kerana dasar dan sistem yang tidak menyokong. Tumpuan yang rendah terhadap

aspek kerohanian dalam penjagaan, panduan yang terhad untuk penjagaan kerohanian, dan kekurangan kemahiran penjaga yang memerlukan latihan yang berkala (Suprayitno & Setiawan, 2021). Menurut T. Sidek & Hasanuddin (2023) di Malaysia, dasar dan strategi pengurusan warga emas telah digubal berdasarkan pelbagai rujukan, namun ajaran Islam tidak disebut secara langsung sebagai sandaran dalam penggubalan tersebut meskipun dasar dan strategi yang dirangka bertujuan untuk kebaikan dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Namun sebagai agama yang syumul, Islam sebenarnya menyediakan panduan asas dalam pelbagai bentuk pengurusan, termasuk pengurusan golongan warga emas. Yasin et al. (2016) menyatakan permasalahan utama melibatkan golongan warga emas adalah masalah aqidah, sosial, pendidikan dan ekonomi yang terabai terutamanya dari kalangan ahli keluarga dan komuniti yang memerlukan penyelesaian melalui pendekatan al-Quran, Sunnah di samping prinsip dan etika Islam.

Di samping itu, peningkatan populasi warga emas juga menunjukkan bahawa isu-isu sokongan sosial seperti susunan hidup, penjagaan kesihatan, isu pemakanan, isu perlindungan dan keselamatan, kemurungan, keadaan mental yang kurang stabil dan kewangan adalah isu-isu yang paling penting untuk diuruskan dengan baik (Nor, 2019). Perkara ini disokong oleh World Health Organization (WHO, 2017) yang menyatakan bahawa warga emas berisiko menghadapi gangguan psikologi, kemerosotan kesihatan fizikal dan kecelaruan neurologi (Halim, 2017). Walaupun Noraida et al. (2016) dan Ismail et al. (2017) dalam kajian mereka menyatakan hasil daripada perkhidmatan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dapat meningkatkan kualiti kesejahteraan warga emas namun, kajian Leong et al. (2020) mendedahkan 59.1% warga emas dari PAWE mengalami kemurungan dan 4.4% daripada mereka mengalami kemurungan yang teruk. Berdasarkan kajian Rahmadayani et al. (2022) permasalahan kemurungan dalam kalangan warga emas dapat dikurangkan melalui peningkatan amalan-amalan Islam. Selain itu, terdapat juga masalah penjagaan warga emas dalam kalangan anak dan keluarga seperti hasil kajian Anuar et al. (2019) yang mengatakan bahawa terdapat dua tema utama penjagaan ibu bapa iaitu yang pertama pengurusan kesihatan, emosi, dan kewangan dan kedua pengurusan peribadi penjaga dan hubungan mereka. Penjagaan warga emas muslim turut memerlukan integrasi nilai-nilai Islam dalam amalan penjagaan kerana terdapat jurang dalam persepsi penjaga mengenai gangguan mental sebagai ujian atau hukuman daripada Allah s.w.t. Kekurangan penekanan terhadap aspek keagamaan ini berpotensi menyebabkan kelewatan dalam diagnosis dan rawatan yang sesuai. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk menggabungkan amalan keagamaan dalam proses penjagaan bagi meningkatkan kesejahteraan mental dan fizikal warga emas (Daher-Nashif et al., 2021).

Menurut Ismail et al. (2017) walaupun kebanyakan warga emas cenderung memilih untuk tinggal di rumah sendiri namun pemerkasaan institusi pondok perlulah diperkembangkan sebagai pilihan alternatif kepada warga emas muslim untuk menjaga kesejahteraan warga emas melalui pendekatan Islam. Sementara itu, menurut Gunardi et al. (2019), sistem *Zad al-Hayah* diperlukan bagi memastikan perancangan berkesan agar kesejahteraan warga emas agar mereka sentiasa diberikan perhatian dan tidak diabaikan. Maka, pengurusan kualiti hidup warga emas perlu diberi penekanan khusus dari segi kewangan yang mencukupi, kesihatan yang baik, sokongan dan hubungan sosial serta tempat tinggal yang selamat (Ali, 2017). Selain itu, menurut Asadollahi (2019), dalam al-Quran terdapat tiga kategori utama yang perlu diberikan perhatian dalam penjagaan warga emas iaitu melibatkan interaksi dengan penjaga seperti anak dan saudara mara, kebarangkalian masalah yang bakal dihadapi akibat daripada keuzuran dan kekurangan dalam penuaan berjaya dan penuaan aktif. Oleh yang demikian, penyelidikan berkaitan warga emas amat signifikan terutamanya dalam isu meningkatkan kualiti hidup

golongan warga emas. Asadollahi et al. (2018) menjelaskan pembangunan kurikulum gerontologi berteraskan kepada al-Quran, hadis dan piawaian Islam perlu dibentuk sesuai dengan kesyumulan ajaran agama Islam. Malone & Dadswell (2018) juga menyatakan bahawa nilai agama, kerohanian atau kepercayaan penting dalam penyelidikan penuaan positif (*positive aging*) yang membantu warga emas menjalani kehidupan positif walaupun terdapat banyak cabaran penuaan.

Di samping itu, resolusi yang dicadangkan dalam Persidangan Industri Warga Emas Kebangsaan: Menuju Pengurusan Patuh Syariah 2019 adalah saranan kepada ahli akademik untuk melaksanakan penyelidikan yang mampu mencapai ijtihad ilmu baharu agar dapat diaplikasikan oleh pihak yang berkepentingan warga emas (Sinar Harian, 2019). Keperluan pembangunan model penjagaan warga emas jangka panjang yang bersepadu dan mapan turut disarankan oleh mantan timbalan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Astro Awani, 2019). Selain itu, Kementerian Ekonomi juga sedang menyediakan Agenda Negara Menua dengan menumpukan rancangan pembangunan sosioekonomi menyeluruh merangkumi kesihatan, pendidikan, kewangan, produktiviti dan buruh serta penggunaan teknologi untuk menentukan pertumbuhan ekonomi jangka panjang dan mapan kepada warga emas (Sinar Harian, 2024).

Sorotan Literatur

Senario Penuaan di Malaysia

Penuaan merujuk kepada proses menjadi tua yang melibatkan transformasi umur manusia dari segi kematangan fizikal, kebarangkalian kelangsungan hidup yang berkurangan dan disertai dengan perubahan multidimensi yang melibatkan fizikal, psikologi dan sosial kewujudan seseorang (Lazmey, 2016). Selain itu, menurut Masoro (1997) pula, ia merujuk kepada semua peristiwa yang berkaitan dengan masa yang berlaku dalam kehidupan organisma termasuk yang memberi manfaat kepada mereka (proses perkembangan) dan golongan yang mempunyai kesan-kesan neutral juga sifat yang merosot. Individu yang didefinisikan sebagai 'tua' dan 'lemah' (vulnerable) ialah mereka yang memerlukan perhatian khusus daripada masyarakat. Golongan warga tua digelar sebagai golongan yang lemah kerana mengalami penurunan tahap kesihatan, keadaan fizikal yang lemah, kurang berkemampuan, kurang penjagaan dan keadaan rumah yang uzur (Nor, 2018). Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), warga emas adalah mereka yang berumur lebih daripada 65 tahun. Terdapat tiga klasifikasi yang biasa digunakan di negara maju terhadap umur warga emas, pertama ialah yang berusia muda (60 hingga 74 tahun), kedua berusia pertengahan (75 hingga 84 tahun) dan yang ketiga berusia tua (85 tahun dan ke atas). Di Malaysia warga emas atau tua merujuk kepada individu yang mencapai umur 60 tahun ke atas (Kementerian Pembangunan Wanita, 2011).

Di Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bertanggungjawab untuk menjaga hal ehwal kebajikan warga emas termasuk penyediaan dan pemantauan pusat jagaan warga emas (Ismail et al., 2017). Pusat jagaan yang dikendalikan oleh JKJ melibatkan 10 buah Rumah Seri Kenangan (RSK) yang menempatkan warga emas yang mampu menguruskan diri, diikuti dua buah Rumah Ehsan (RE) khusus untuk warga emas yang tidak mampu menguruskan diri dan memerlukan rawatan rapi. Pusat jagaan yang dikendalikan oleh Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) dan swasta yang berdaftar di bawah JKJ pada tahun 2020 ialah sebanyak 385 buah berbanding 165 buah pusat jagaan pada tahun 2014. Selain pusat jagaan warga emas, terdapat 134 buah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di seluruh Negara (Statistik Jabatan Kebajikan

Masyarakat, 2020). KPWKM telah mengambil langkah proaktif dengan merangka Dasar Warga Emas Negara (DWEN) untuk membina kesejahteraan di kalangan warga emas sebagai intervensi menghadapi fenomena peningkatan warga emas. Lima dimensi utama yang diberi penekanan dalam dasar ini untuk menjamin kesejahteraan proses penuaan ialah kesihatan, sosial, ekonomi, kerohanian, dan persekitaran.

Jadual 1: Dimensi Penuaan DWEN (2011)

Dimensi	Konteks Penuaan
Kesihatan	✓ Penuaan sihat merujuk kepada usaha ke arah gaya hidup sihat dan membentuk sistem kesihatan yang lebih baik serta mewujudkan persekitaran juga komuniti yang mengutamakan kesihatan.
Sosial	✓ Penuaan aktif merujuk kepada proses mengoptimumkan peluang dan penglibatan warga emas dalam keluarga dan masyarakat ke arah mendaya upayakan warga emas untuk meningkatkan kesejahteraan hidup. ✓ Aspek ini merangkumi kuantiti, kualiti dan skop jaringan sosial, peranan timbal balik dan hubungan antara generasi yang wujud sepanjang hayat.
Ekonomi	✓ Penuaan produktif merujuk kepada kapasiti penglibatan warga emas untuk menyumbang dalam bentuk aktiviti kerja bergaji atau sukarela yang dapat memberi makna dan kepuasan.
Kerohanian	✓ Penuaan positif merujuk kepada pegangan kepercayaan dan nilai positif yang menjadi tunjang kehidupan dan jati diri warga emas. ✓ Berfungsi sebagai panduan dalam kehidupan serta sikap dan pandangan positif terhadap penuaan.
Persekitaran	✓ Penuaan menyokong merujuk kepada persekitaran dalaman dan luaran yang mesra warga emas bagi membolehkan warga emas berfungsi dengan baik. ✓ Persekitaran yang membolehkan dan membantu dapat mengurangkan ketidakupayaan yang dialami individu dan akan menggalakkan penglibatan warga emas dalam masyarakat. ✓ Aspek ini juga mengambil kira penggunaan teknologi bagi membantu warga emas untuk hidup berdikari.

Keperluan Asas Warga Emas

Keperluan hidup manusia khususnya golongan warga emas dapat dikenal pasti berdasarkan kepada hierarki teori keperluan yang diperkenalkan oleh (Maslow, 1943). Teori keperluan Maslow terdiri daripada lima peringkat keperluan manusia iaitu: keperluan fisiologi (tahap terendah), keperluan keselamatan, keperluan sosial, keperluan penghargaan diri, dan keperluan hasrat diri (tahap tertinggi) (Wang et al., 2019).

- i. Keperluan fisiologi merujuk keperluan yang paling asas kepada manusia khususnya warga emas. Keperluan ini merangkumi keperluan untuk diri atau fizikal seseorang seperti makanan, minuman dan tempat tinggal. Perkara lain yang dapat memenuhi keperluan fisiologi warga emas ialah menyesuaikan diri dengan proses yang semula jadi dan luar biasa dalam penuaan, mengetahui persediaan menghadapi penyakit dan bantuan perubatan (Wang et al., 2019).
- ii. Keperluan keselamatan melibatkan keselamatan peribadi, keselamatan kewangan, kesihatan dan tidak menjadi mangsa kepada penyalahgunaan kuasa (Masri et al., 2018). Lima perkara yang dapat memenuhi keperluan keselamatan warga emas ialah kesihatan, makanan, pakaian, perumahan dan mobiliti. Kesihatan merujuk kepada pengekal tabiat hidup dan kesihatan yang baik, makanan merujuk kepada penyediaan makanan, pakaian

- merujuk kepada perubahan pakaian mengikut perubahan fisiologi, perumahan merujuk kepada keperluan keselamatan berkenaan dengan penuaan dan mobiliti merujuk kepada permintaan terhadap mobiliti dan berjalan tanpa bantuan (Wang et al., 2019).
- iii. Keperluan sosial memfokuskan kepada keperluan kasih sayang warga emas yang melibatkan persediaan psikologi bagi menghadapi proses semula jadi penuaan, mengatasi tekanan psikologi yang disebabkan oleh penyakit dan menyesuaikan diri dengan gaya hidup baru (Bruggencate et al., 2018; Wang et al., 2019). Empat keperluan penting dalam mendukung keperluan sosial iaitu diri sendiri menerusi amalan kerohanian, keluarga, masyarakat dan kerajaan (Ashaari et al., 2022). Penyelarasan psikologi kepada proses penuaan semula jadi yang melibatkan diri ialah dengan mengekalkan sikap positif terhadap penuaan, mengetahui keperluan seseorang terhadap kesihatan, pendidikan berkenaan dengan proses penuaan dan mencari penerimaan serta sokongan daripada ahli keluarga. Warga emas mampu menghadapi perubahan fizikal dengan galakan dan pengiktirafan daripada keluarga, rakan sebaya dan komuniti di samping kaedah penjagaan yang tepat (Rubianti, 2024). Keperluan penghargaan diri (*esteem*) pula berkaitan keperluan warga emas untuk dihormati dan diberi peluang menghormati orang lain. Ia melibatkan perlakuan orang lain kepada mereka, sudut pandangan warga emas terhadap diri mereka sendiri dan bagaimana mereka ingin hidup dalam menuju pengakhiran hayat mereka (Wang et al., 2019). Penghormatan dengan memberi peluang untuk menyumbang sesuatu akan meningkatkan “penghormatan diri” (*self-esteem*) di kalangan warga emas.
 - iv. Keperluan kesempurnaan diri berkaitan dengan keperluan untuk mencapai cita-cita peribadi berdasarkan potensi diri seseorang warga emas. Hal ini melibatkan pembelajaran dan inovasi, memenuhi tanggungjawab sosial supaya berasa dihargai dan dapat menunjukkan kebijaksanaan serta keupayaan mereka dalam menyumbang kepada kesejahteraan diri juga masyarakat (Wang et al., 2019). Selain itu, pendekatan spiritual Islam juga penting untuk meningkatkan kesejahteraan emosi, memberikan ketenangan dalaman dan meningkatkan kualiti hidup warga emas (Hikmat et al., 2024).

Penurunan fungsi fisiologi, perubahan peranan sosial dan keadaan ekonomi semasa proses penuaan menyebabkan warga emas berhadapan masalah fizikal, psikologi, sosial dan persekitaran yang memerlukan perhatian terhadap keperluan yang bersesuaian dengan keadaan mereka. Tuntutan warga emas amat kompleks kerana merangkumi banyak kategori seperti penjagaan dan kehidupan harian, bantuan hidup, penjagaan kesihatan, rawatan penyakit, kejururawatan, sokongan ekonomi, kaunseling keluarga dan kaunseling psikologi (Wang et al., 2019). Hasil perubahan yang berlaku terhadap fisiologi dan psikologi, golongan warga emas memerlukan perhatian khusus dan keperluan asas yang berbeza berbanding peringkat umur yang lain. Menurut Kusumawardhani (2016) antara elemen keperluan yang perlu diberikan perhatian iaitu keperluan makanan, pakaian, tempat tinggal (perumahan), kesihatan, kejiwaan (ketenangan) dan sosial. Selain itu, keperluan warga emas melibatkan keselamatan kewangan, keselamatan diri, penjagaan dan cabaran kesihatan, kesihatan mental serta mengenali potensi diri (Amiri, 2018; Putri & Lestari, 2017). Kajian Luthfa & Pandin (2021) yang bertujuan mengenal pasti keadaan kesihatan warga emas di pusat jagaan mendapati warga emas menghadapi cabaran fizikal, psikologi, dan sosial yang memerlukan perkhidmatan kejururawatan holistik. Perkhidmatan kejururawatan holistik dan humanistik dapat meningkatkan kualiti hidup warga emas di pusat penjagaan. Keperluan perkhidmatan ini merangkumi fizikal, psikologi, sosial, dan spiritual mereka dengan pendekatan menyeluruh. Ma (2019) yang menjalankan kajian di Nanjing menjelaskan permintaan terhadap perkhidmatan penjagaan warga emas berbeza dan dipengaruhi oleh usia, status ekonomi, dan struktur keluarga. Justeru model penjagaan warga emas harus beralih kepada pendekatan yang seimbang

antara penjagaan institusi dan keluarga bagi memastikan akses kepada semua tahap perkhidmatan lebih berkualiti.

Seterusnya kajian Soliman & Omar (2021) terhadap 138 warga emas yang tinggal di institusi kebajikan mendapati keperluan utama mereka adalah sosial, kesihatan dan ekonomi. Selain itu, pendapatan yang rendah turut mempengaruhi kualiti hidup mereka dalam memenuhi keperluan hidup yang baik. Hasil kajian ini menjelaskan dasar perlindungan sosial yang komprehensif adalah penting untuk menjamin kebajikan warga emas, termasuk akses kepada keperluan asas, perkhidmatan kesihatan yang lebih baik, dan integrasi sosial. Mutalib et al. (2023) dalam kajiannya *Elderly Education and Lifelong Learning: Legal and Shariah Perspectives* menjelaskan keperluan warga emas di Malaysia termasuk akses kepada pendidikan dan peluang pembelajaran sepanjang hayat. Selain itu, pembangunan dasar perlu lebih inklusif dan mencakupi keperluan warga emas dari perspektif syariah dan undang-undang. Kajian ini mencadangkan keperluan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pembelajaran sepanjang hayat dan memastikan koordinasi antara pihak berkepentingan untuk menyokong penuaan yang berkualiti dan meningkatkan kualiti hidup mereka secara keseluruhan. Seterusnya kajian Lim et al. (2023) berkaitan keperluan bandar mesra pengguna yang telah menemu bual 17 peserta terdiri daripada warga emas, penjaga, dan pakar profesional di Ipoh, Perak. Kajian mendapati antara keperluan warga emas seperti perumahan mesra warga emas, akses digital yang lebih baik, sokongan keluarga, penjagaan kesihatan yang berpatutan, ruang awam yang boleh diakses, aktiviti sosial yang dipertingkatkan dan pengangkutan awam yang lebih baik. Kajian mencadangkan polisi bandar mesra warga emas perlu diperkukuh dengan pendekatan ekologi untuk menangani keperluan warga emas.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen dan data sekunder. Data diperoleh daripada laporan kerajaan, dasar sosial berkaitan warga emas, dan hasil kajian terdahulu yang relevan. Pendekatan ini digunakan bagi mendapatkan gambaran awal tentang keperluan asas warga emas di Malaysia.

Dapatan Kajian

Kajian Lepas	Keperluan Asas Warga Emas	Penjelasan Keperluan	Cadangan/Polisi Berkaitan
Wang et al. (2019); Kusumawardhani (2016); Ma (2019)	Fisiologi	Keperluan asas untuk kelangsungan hidup – makanan, minuman, tempat tinggal.	Model penjagaan seimbang (keluarga & institusi); Akses mudah kepada perkhidmatan asas.
Masri et al. (2018); Putri & Lestari (2017); Soliman & Omar (2021)	Keselamatan	Keselamatan kewangan, tempat tinggal, kesihatan fizikal dan perlindungan daripada penganiayaan.	Dasar perlindungan sosial komprehensif; pemantauan pusat jagaan oleh agensi kerajaan.
Ashaari et al. (2022); Rubianti (2024);	Sosial	Hubungan kasih sayang, sokongan psikologi dan	Sokongan psikososial dalam penjagaan; libat

Luthfa & Pandin (2021)		komuniti yang menyokong.	urus komuniti dalam penjagaan warga emas.
Wang et al. (2019); Mutalib et al. (2023)	Penghargaan Diri	Rasa dihormati dan dihargai dalam komuniti dan keluarga, peluang menyumbang.	Pengiktirafan sumbangan warga emas; galakkan penglibatan sosial berasaskan pengalaman.
Hikmat et al. (2024); Mutalib et al. (2023); Lim et al. (2023)	Kesempurnaan Diri	Mencapai potensi diri melalui pendidikan, sumbangan bermakna dan pertumbuhan rohani.	Polisi pembelajaran sepanjang hayat; bandar mesra warga emas dengan akses teknologi dan kemudahan rohani.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa keperluan warga emas dapat dikategorikan secara sistematik mengikut lima tahap keperluan Maslow yang disokong oleh penemuan kajian semasa. Keperluan fisiologi seperti makanan, tempat tinggal dan penjagaan kesihatan kekal sebagai asas kepada kesejahteraan, manakala keselamatan fizikal dan kewangan menjadi pelengkap kepada kestabilan hidup mereka. Keperluan sosial pula menjadi semakin penting dalam konteks warga emas yang hidup bersendirian, dengan kajian menekankan peranan keluarga, komuniti dan institusi dalam menyediakan sokongan emosi dan interaksi sosial yang bermakna.

Selain itu, keperluan penghargaan diri dan kesempurnaan diri pula mencerminkan potensi warga emas untuk terus menyumbang secara aktif dalam masyarakat melalui pendidikan, spiritualiti, dan aktiviti sukarelawan. Dapatan ini menekankan bahawa pemenuhan keperluan warga emas pada semua peringkat adalah penting untuk memastikan proses penuaan yang sejahtera khususnya di Malaysia. Oleh itu, pendekatan yang menyeluruh, bersifat holistik dan berteraskan nilai Islam perlu diterapkan dalam dasar dan model penjagaan warga emas agar memenuhi keperluan fizikal, emosi, sosial dan rohani secara bersepadu.

Kesimpulan

Penuaan penduduk di Malaysia menunjukkan peningkatan yang ketara, sejajar dengan trend global. Tinjauan awal terhadap senario ini memperlihatkan bahawa warga emas menghadapi pelbagai cabaran dalam memenuhi keperluan asas mereka seperti penjagaan kesihatan, tempat tinggal yang selamat, sokongan kewangan, dan hubungan sosial. Kajian juga menunjukkan bahawa perkhidmatan sedia ada masih belum mencukupi untuk menampung pertambahan jumlah warga emas, terutama dalam aspek penyediaan fasiliti mesra usia dan sistem sokongan sosial. Oleh itu, pendekatan holistik dan bersepadu amat diperlukan, melibatkan kerjasama antara kerajaan, masyarakat, dan keluarga dalam memastikan kesejahteraan warga emas. Dasar dan perancangan jangka panjang harus mengambil kira keperluan sebenar golongan ini, bagi menjamin kehidupan yang bermaruah, sihat, dan bermakna bagi mereka dalam fasa akhir kehidupan.

Penghargaan

Kajian ini ditaja sepenuhnya oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di bawah skim geran penyelidikan fundamental (FRGS) dengan kod penyelidikan FRGS/1/2019/SSI03/UITM/03/2 bertajuk Model Gerontologi berdasarkan Sunnah Nabawiyyah Penjagaan Warga Emas Golongan B40.

Rujukan

- Alavi, K. (2022). A sustainable and integrated long term aged care model in Malaysia. *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*, 18(20), 20–21.
- Ali, S. (2017). Kualiti hidup pesara lelaki dan wanita Malaysia: Kajian kes di Besut, Terengganu. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space*, 12(5), 11–21.
- Amiri, M. (2018). Problems faced by old age people. *The International Journal of Indian Psychology*, 6(3), 52–63.
- Anuar, N. H., Mahmud, Z., & Karim, D. N. F. M. (2019). Informal caregiving of senior parents in Malaysia: Issues & counselling needs. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 5(6), 408–420.
- Asadollahi, A. (2019). Quran on aging. In *Encyclopedia of Gerontology and Population Aging* (Living Edi, pp. 1–5). Springer, Cham.
- Asadollahi, A., Bahadori, F., & Eftekharian, F. (2018). Islamic gerontology, importance of localizing aging studies in Iran: A review of Quran and Hadith. *Journal of Research on Religion & Health*, 4(2), 117–127.
- Ashaari, M. F., Norhisham, N. A. S., Rasit, R. M., & Khafidz, H. A. (2022). Sumber sokongan sosial untuk warga emas. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(I), 208–223.
- Astro Awani. (2019). *Kajian bentuk model penjagaan warga emas - Wan Azizah*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kajian-bentuk-model-penjagaan-warga-emas-wan-azizah-197878>
- Bruggencate, T. Ten, Luijckx, K. G., & Sturm, J. (2018). Social needs of older people: A Systematic literature review. *Ageing and Society*, 38(9), 1745–1770.
- Daher-Nashif, S., Hammad, S. H., Kane, T., & Al-Wattary, N. (2021). Islam and mental disorders of the older adults: Religious text, belief system and caregiving practices. *Journal of Religion and Health*, 60(3), 2051–2065.
- Gunardi, S., Sahida, M. M., Hashim, H., & Mutalib, L. A. (2019). Zadul hayah kepada warga emas dalam menjalani kehidupan: Satu pengenalan. In UFRC (Ed.), *E-Prosiding Persidangan Industri Warga Emas Kebangsaan 2019: Menuju Pengurusan Patuh Syariah* (Issue March, pp. 177–183). Usuli Faqih Research Centre PLT.
- Halim, N. H. A. (2017). *Usia Emas - PORTAL MyHEALTH*. <http://www.myhealth.gov.my/usia-emas/>.
- Harian, S. (2024). Kerajaan sedang sediakan agenda negara menua. Dalam *Sinar Karangkraf Sdn. Bhd*.
- Hikmat, R., Jamali, J., Asmuni, A., & Juanda, A. (2024). Islamic spiritual education and increasing elderly happiness. *International Journal of Social Science and Education Research Studies*, 04(10), 2770-2790.
- Ismail, N. S. A., Abdullah, N., Hassan, K., Samsudin, S., Zakuan, U. A. A., Yusof, R., & Zaki, N. M. (2017). Kesejahteraan hidup warga emas: Perancangan berasaskan gender. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space*, 13(3), 75–85.
- Kementerian Pembangunan Wanita, K. dan M. (2011). *Dasar Warga Emas Negara*. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Kusumawardhani, N. (2016). Pengembangan model perkhidmatan sosial bagi warga tua berasaskan masyarakat: Kajian di kelurahan sukaluyu kota bandung indonesia [Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia]. *Universiti Sains Malaysia*.
- Lazmey, T. A. J. (2016). *Care and support of old age persons a study in melur block Madurai district Tamil Nadu*. The Gandhigram Rural Institute.
- Leong, O. S., Ghazali, S., Hussin, E. O. D., Lam, S. K., Japar, S., Geok, S. K., & Azmi, I. S. M. (2020). Depression Among Older Adults in Malaysian Daycare Centres. *British Journal of Community Nursing*, 25(2), 84–90.

- Lim, X. J., Chew, C. C., Chang, C. T., Supramaniam, P., Ding, L. M., Devesahayam, P. R., & Low, L. L. (2023). Perceived unmet needs of an age-friendly environment: A qualitative exploration of older adults' perspectives in a Malaysian city. *PLoS ONE*, 18(6), 1-18.
- Luthfa, I., & Pandin, M. G. R. (2021). The health conditions of the elderly in nursing homes and their care needs. *Preprints*. <https://doi.org/10.20944/preprints202104.0140.v1>
- Ma, L. (2019). Research on the elderly's demands for the old-age care services. *Social Sciences*, 8(2), 44-51.
- Malone, J., & Dadswell, A. (2018). The role of religion, spirituality and/or belief in positive ageing for older adults. *Geriatrics (Switzerland)*, 3(2), 1-16.
- Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review*, 50(4), 370-396.
- Masoro, E. J. (1997). Aging: Current concepts. In *Handbook of Physiology-Aging* (Vol. 9, Issue 6, pp. 436-437).
- Masri, R., Ahmad, A., & Abd Rani, R. (2018). Teori Maslow dalam konteks memenuhi keperluan asas pekerja dan peranannya dalam meningkatkan prestasi organisasi: Kajian dan perspektif Islam. *Jurnal Hadhari*, 10(1), 1-28.
- Md Isa, F., Noor, S., Wei Wei, G., Syed Hussain, S. D. B., Mohamad Ibrahim, H., & Ahmdon, M. A. S. (2022). Exploring the facet of elderly care centre in multiethnic Malaysia. *PSU Research Review*, 6(1), 17-38.
- Mohd Yusoff, S. S., Hassan, R., & Salman, S. A. (2023). Elderly care centers challenges and difficulties in Malaysia: A case study of Pertubuhan Kebajikan Darul Insyirah. *Journal of Data Acquisition and Processing*, 38(2), 5001-5010.
- Mutalib, M. A., Kamaruzaman, N. A. F., & Abdulah, N. A. (2023). Elderly education and lifelong learning: Legal and shariah perspectives. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 11(2), 230-242.
- Noor, S., Isa, F. M., & Muhammad, N. M. N. (2021). Managerial obstacles facing the ageing care centres: A case of Malaysian women entrepreneurs. *Vision*, 25(3), 312-321.
- Nor, N. N. F. M. (2018). Trend penuaan penduduk: Satu sorotan karya. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 15(2), 116-130.
- Nor, N. N. F. M. (2019). Demographic issues in Malaysia. *Asian Social Science*, 15(11), 116.
- Noraida, Zarina, Fatimah, & Ahmad. (2016). Keberkesanan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di bawah Dasar Warga Emas Negara. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 19(3), 87-100.
- Putri, A. A., & Lestari, C. N. (2017). The ability to meet the elderly's basic needs for healthy ageing in low-and middle-income countries. *The 1st International Conference on Global Health, KnE Life Sciences*, 4(1), 39-46.
- Rahmadayani, A., Boy, E., & Achsanudin, M. R. (2022). Religious aspects of depression in the elderly. *MAGNA MEDICA Berkala Ilmiah Kedokteran Dan Kesehatan*, 9(1), 35.
- Rubianti. (2024). The role of social support in improving the well-being of the elderly: A qualitative review. *Research of Service Administration Health and Sains Healthys*, 5(1), 11-15.
- Sidek, T., & Hasanuddin, I. (2023). Maqasid syariah sebagai satu panduan dalam pengurusan warga emas Muslim di Malaysia. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 8(1), 42-49.
- Sinar Harian. (2019). 9 Seruan mengurus warga emas yang patuh syariah. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/19279/LIFESTYLE/Femina/9-seruan-mengurus-warga-emas-yang-patuh-syariah>.
- Soliman, M. K., & Omar, S. M. Z. (2021). Needs assessment of the elderly in social welfare institutions a social protection approach. *Egyptian Journal of Social Work (EJSW)*, 12(1), 235-258.

- Suprayitno, E., & Setiawan, I. (2021). Nurses' roles in Palliative Care: An Islamic perspective. In *Belitung Nursing Journal* (Vol. 7, Issue 1, pp. 50–54). Belitung Raya Publisher-Belitung Raya Foundation.
- Wang, K. H. C., Lin, J. H., & Chen, H. G. (2019). Explore the needs of the elderly with social awareness. *Educational Gerontology*, 45(5), 310–323.
- WHO. (2017). *Mental Health of Older Adults*. <https://www.who.int/en/news-room/fact-sheets/detail/mental-health-of-older-adults>
- Yasin, R. F. F., Mubaarak, A. A. A., & Jani, Mohd. S. (2016). Attending the ageing population from the Qur'an and Sunnah perspective. *Global Journal Al-Thaqafah (GJAT)*, 6(1), 143–156.
- Yunus, R. M., Hairi, N. N., & Choo, W. Y. (2019). Consequences of elder abuse and neglect: A systematic review of observational studies. *Trauma, Violence, & Abuse*, 20(2), 197–213.